



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 SEPTEMBER 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MINISTER: MAKE FOOD SECURITY TOP PRIORITY IN BUDGET 2023, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 'BOOSTING FOOD SECURITY NEEDS FUNDING', NEWS, NST -6 MAFI MOHON TAMBAHAN PERUNTUKAN BELANJAWAN 2023, NEGARA, KOSMO -4 MAFI SEDIA CAMPUR TANGAN ELAK PENGGUNA TERBEBAN, NASIONAL, BH -14 MAFI AMBIL LANGKAH INTERVENSI TERHADAP BEKALAN, LOKAL, HM -26 MAFI HARAP PERUNTUKAN DITINGKATKAN DEMI KESELAMATAN BEKALAN MAKANAN, NASIONAL, SH -10 SIN CHEW DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9.	BAUNG EKOR MERAH ANCAM IKAN SUNGAI ULU PAHANG, DALAM NEGERI, UM -10 IBU HAMIL MENGIDAM TELUR PENYU, PENIAGA TAKUT KENA DENDA, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	300 PETANI RESAH JALAN LAMBAT SIAP, NEGARA, KOSMO -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	BEKALAN SAYUR CUKUP TAPI HARGA TETAP NAIK, NASIONAL, BH -14 CUACA BIKIN KACAU, LOKAL, HM -26 BEKALAN SAYUR-SAYURAN DI TERENGGANU MENCUKUPI, LOKAL, HM -26 BERI BANTUAN PERALATAN TEKNOLOGI KEPADA PETANI, NASIONAL, SH -10 ANGGUR TUMBUH SUBUR DI SHAH ALAM, NEGARA, KOSMO -14 KEBUN KOMUNITI GALAK PENDUDUK TANAM SAYUR, GAYA ALAM, UM -26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2

Minister: Make food security top priority in Budget 2023

KEPALA BATAS: The Agriculture and Food Industry Ministry is hoping for a bigger allocation under Budget 2023, for it to continue with the various programmes aimed at ensuring the continuity of the country's food supply.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said this is because it is one of the most important ministries, especially in guaranteeing the security of food supply in the country.

"Apart from outlining new programmes to ensure active production of food supplies, programmes need to be implemented continuously.

"All these require continuous funding, and the Agriculture and Food Industry Ministry hopes the Finance Ministry will prioritise this and increase its allocation in the budget to be tabled on Oct 7," he told reporters after the Penang Farmers Organisation annual general meeting yesterday.

Earlier in his speech, he said one of the efforts in agricultural development implemented by the government through the Muda Agricultural Development Authority was the planting of five crops in two years by padi farmers.

Kiandee said a pilot programme involving 1,220ha will be carried out and is expected to increase the income of 628 padi farmers by 25%, compared with the income they received by planting the crop four times in two years.

"These efforts are in line with the government's manifestation and commitment to continue empowering padi farmers and the farmers organisation to become a competent and competitive entity in the country's agrofood sector."

He said his ministry is also leading the Industrial Revolution 4.0 (IR4.0) to modernise the country's agrofood sector, in line with the National Agro-Food Policy 2021-2030, to ensure the sector remains sustainable in facing the challenges of globalisation and competition in the open market.

Kiandee noted that the current challenges of globalisation also require the country to increase productivity and reduce production costs, particularly through the adaptation of IR4.0 technology and innovation.

As such, he called on the network of farmers organisations to constantly enhance innovation by exploring new and modern agricultural technologies.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2022	NST	NEWS	6

2023 BUDGET

'Boosting food security needs funding'

KEPALA BATAS: The Agriculture and Food Industries Ministry hopes for an increase in allocation in the 2023 Budget to continue its initiatives to bolster food security, said Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Kiandee said being an important ministry in food security, programmes had been mapped out to ensure food security remained the top priority.

"Programmes have been implemented and new programmes are continuously being worked out to boost the nation's food supply.

"Among them are the five-time padi replanting programme in two years as well as the modernisation of the agricultural sector.

"All these require funding from the government.

"So the ministry expects the Finance

Ministry to see this as something that needs to be prioritised and we request an increase in the budget."

He said this after the launch of the 48th state Pertubuhan Peladang Negeri annual general meeting here yesterday.

The 2023 Budget will be tabled on Oct 7.

Earlie, Kiandee said the five-time padi replanting programme in two years would begin in December in the Muda area, in Kedah through the Muda Agricultural Development Authority.

He said the pilot project involved 1,220ha and was expected to increase the income of 628 operators by 25 per cent, compared with four-time padi replanting in two years.

He added that it would also increase padi production in the Muda area to 2.02 million metric tonnes at a cost of RM3.15 billion.

MAFI mohon tambahan peruntukan Belanjawan 2023

SEBERANG PERAI – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memohon pertimbangan kerajaan untuk meningkatkan peruntukan dalam Belanjawan 2023 bagi memastikan sekuriti agromakanan di dalam negara terus diperkasakan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pelbagai program dilaksanakan secara berterusan malah program baharu turut direncanakan bagi merencanakan sektor bekalan makanan negara.

"Beberapa pendekatan baharu antaranya program penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun selain usaha memodenkan sektor agromakanan negara menerusi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) bagi memodenkan sektor agromakanan negara sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) memerlukan dana yang berterusan dari kerajaan.

"Justeru, MAFI harap Kementerian Kewangan akan melihat ini sebagai sesuatu yang perlu diberi keutamaan dan kita pohon agar bajet tahunan akan ditingkatkan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan



RONALD (empat dari kiri) menyampalkan replika cek sempena Mesyuarat Agung Tahunan PPN Pulau Pinang di Penang Golf Resort, Bertam semalam.

Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Pulau Pinang Kali Ke-48 Tahun 2022, di sini semalam.

Belanjawan 2023 akan dibentangkan di Parlimen pada 7 Oktober ini.

Dalam pada itu beliau memberitahu, kenaikan dan penurunan harga bekalan sejak dua tahun lalu berpunca daripada

perubahan kos import luar negara yang di luar kawalan kerajaan.

"Kita lihat kenaikan harga makanan adalah pada tahap stabil dan masih dalam kawalan.

"Jika ianya perlu intervensi daripada kerajaan sebagaimana yang berlaku pada isu ayam dan telur di mana kerajaan memberi subsidi," jelasnya.

Bekalan sayur cukup tapi harga tetap naik

Nilai ringgit turun, orang tengah antara faktor hasil tani lebih mahal

Oleh Mohd Roji Kawi Izz, Zatul Iffah Zulkiply, Laily Hussein dan Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sayur-sayuran masih banyak dalam pasaran, tetapi harga meningkat berbanding seminggu lalu di beberapa negeri.

Tinjauan di Johor Bahru mendapati cili merah kulai, sawi hijau dan kacang buncis antara sayur yang meningkat harganya berbanding minggu lalu.

Bahagian Maklumat Pasaran, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor berkata, harga cili merah kulai semalam ialah RM25.50 sekilogram, berbanding RM24.50 sekilogram pada 1 September lalu.

Sawi hijau pula RM6.50 sekilogram, berbanding RM5.75

minggu lalu.

Kacang buncis naik RM1 dalam tempoh seminggu, iaitu daripada RM10.50 sekilogram minggu lalu kepada RM11.50 semalam.

Bagi harga sekilogram untuk sayur-sayuran lain, FAMA memaklumkan ia kekal dalam tempoh seminggu iaitu RM6.50 bagi kangkung, kacang bendi (RM10.50), kacang panjang (RM9.50), tomato tanah tinggi (RM5.50), bayam hijau (RM6.50), kubis tanah tinggi (RM6.50) dan terung panjang (RM10.50).

Harga tak menentu

Di Kota Bharu, harga turun naik sejak tiga minggu lalu dipercayai berpunca daripada penurunan nilai mata wang dan peranan orang tengah.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati harga salad naik mendadak, dijual RM112 untuk 8 kilogram (kg) berbanding RM40 sebelum ini, selain kailan RM25 bagi 4kg berbanding RM8 sebelum ini dan bunga kubis RM12 sekilogram berbanding RM6, sebelum ini.

Peniaga Noriah Adam, 48, berkata, beliau tidak berhadapan kekurangan bekalan, tetapi harga tidak menentu disebabkan orang tengah dan penurunan nilai mata wang negara.



Harga beberapa jenis sayur, termasuk salad dan bunga kubis melonjak di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu, semalam. (Foto Nur Abdullatif Nizam/BH)



Faizal menunjukkan cili yang mengalami sedikit kenaikan harga di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Zatul Iffah Zulkiply/BH)

Seorang lagi peniaga, Kamarul Yusoff, 35, berkata, kenaikan harga mungkin berpunca daripada faktor cuaca.

"Sayur yang saya jual diambil daripada pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, selain di Cameron Highlands dan Thailand.

"Kenaikan harga bunga kubis menyebabkan pelanggan tidak puas hati kerana sebelum ini kami jual RM5 sekilogram, tetapi naik kepada RM12 sejak seminggu lalu," katanya.

Beli buah harga ahli

Di Kuching, tiada kenaikan ketara harga sayur-sayuran kerana kacang panjang dijual antara RM8 hingga RM10 sekilogram bergantung pasar.

Pasar raya di Sungai Maong menjual sayur itu RM8 sekilogram, manakala pasar basah di Kota Sentosa dan Medan Niaga Satok pula RM10.

Kacang bendi dijual RM10 sekilogram, begitu juga dengan terung, manakala kacang buncis antara RM10 hingga

RM12 sekilogram.

Tinjauan di sebuah pasar raya di Kota Samarahan mendapati harga sayuran lebih tinggi berbanding di Kuching.

Kacang panjang RM11.99 sekilogram, namun jika pengguna memiliki kad ahli pasar raya itu, mereka menikmati harga hanya RM7.99 sekilogram.

Kacang bendi pula dijual RM6.99 sekilogram, manakala bagi pemegang kad ahli menikmati harga istimewa, RM7.99.

Di Kuala Terengganu, bekalan mencukupi walaupun keadaan cuaca tidak menentu, manakala harga stabil.

"Antara sayur-sayuran yang menunjukkan kenaikan sedikit ialah cili dan bunga kubis yang kini dijual RM18 dan RM15 sekilogram, berbanding sebelum ini RM16 dan RM12 sekilogram.

Turut menunjukkan kenaikan harga adalah limau kasturi iaitu RM10 sekilogram berbanding RM7 minggu lalu.

Bagaimanapun, timun dan tomato menunjukkan penurunan apabila masing-masing dijual RM5 sekilogram berbanding RM7.

Peniaga Faizal Ali, 42, berkata, kebanyakan sayuran seperti kangkung, kacang panjang dan timun diperolehi daripada peniaga tempatan.

MAFI sedia campur tangan elak pengguna terbeban

Kepala Batas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengambil langkah intervensi terhadap bekalan sayur, sekiranya berlaku kenaikan harga bahan makanan itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande, berkata itu usaha memastikan pengguna mendapat harga yang wajar, walaupun langkah itu tertakluk kepada kenaikan kos import.

"Sejak dua tahun lalu, kita dapat terdapat turun naik harga bekalan makanan, disebabkan kos import yang tertakluk kepada perubahan kos di luar negara yang berada luar kawalan kerajaan.

"Bagi bekalan sayur, jika ia perlu ada intervensi daripada kerajaan sebagaimana yang berlaku pada ayam dan telur ayam

iaitu dengan kerajaan memberi subsidi dan sebagainya, kita akan bantu bagi memastikan pengguna mendapat harga yang memadai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu kenaikan harga sayur pada ketika ini.

Pantau bekalan, harga

Jelasnya, MAFI dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau bekalan dan harga makanan dari semasa ke semasa.

"Pada ketika ini, walaupun kita lihat berlaku kenaikan harga makanan ia pada tahap stabil dan masih dalam kawalan.

Terdahulu, KPDNHEP menegaskan tidak berlaku keku-

rangan bekalan sayur dalam negara pada masa ini, berikutan kemerosotan itu hanya pada tahap 10 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, situasi semasa itu berdasarkan maklumat daripada Persekutuan Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia.

Katanya, isu itu disebabkan oleh cuaca hujan dan kemerosotan permintaan sekitar bulan lalu, namun pengurangan kira-kira 10 peratus itu pada paras pusingan normal.

Sebelum ini media melaporkan ketidakpastian cuaca yang ketara ketika ini menyebabkan kebanyakan pekebun di Cameron Highlands kehilangan 30 hingga 40 peratus hasil pendapatan.



Ronald (dua dari kanan) pada majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang di Kepala Batas, semalam. (Foto Nur Izzati Mohamad/BH)

Oleh Hazira Ahmad
Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Harga sayur-sayuran tidak menentu serta mengalami turun naik sejak tiga minggu lalu yang difahamkan berpunca daripada perubahan pada nilai mata wang dan juga orang tengah.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah di sini, semalam mendapati harga beberapa sayuran naik mendadak antaranya salad yang kini dijual pada harga RM12 untuk lapan kilogram berbanding RM40 sebelum ini, selain kailan yang dijual RM25 bagi empat kilogram berbanding RM8 sebelum ini dan bunga kubis pula dijual pada harga RM12 sekilogram berbanding RM5 sebelum ini.

Peniaga sayur-sayuran Noriah Adam, 48, berkata, walaupun harga sayuran mengalami turun naik namun dia tidak berhadapan masalah kekurangan bekalan kerana ia dihantar seperti biasa oleh pemborong pada setiap hari.

"Bagaimanapun, saya tidak menolak kemungkinan harga sayur tidak menentu sejak tiga minggu kebelaka-

HARGA SAYUR TIDAK MENENTU

Cuaca bikin kacau!



TINJAUAN di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati harga beberapa sayuran naik mendadak serta tidak menentu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

ngan ini adalah disebabkan orang tengah selain perubahan nilai mata wang. "Sebelum ini, harga sayur

memang turun naik tetapi masih terkawal, namun pada kali ini ia meningkat mendadak sehingga mem-

bankan peniaga selain perubahan harga juga terlalu drastik dan tidak masuk akal.

"Dalam masa sama, terdapat juga pelanggan yang mempersoalkan sesetengah harga sayur, namun kami

tiada jalan lain selain memberi penjelasan faktor kenaikan harga," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Siti Khadijah.

Seorang lagi peniaga, Kamarul Yusoff, 35, berkata, harga sayuran yang dijual ditetapkan mengikut keadaan semasa.

"Mungkin ia berpunca daripada faktor cuaca dan kebiasaannya harga sayuran akan turun naik bergantung kepada cuaca. Jika cuaca baik, harga turun dan sebaliknya jika cuaca kurang baik.

"Kebiasaannya sayur yang saya jual diambil daripada pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong selain di Cameron Highlands dan juga Thailand.

"Apabila harga sayuran meningkat, ia sebenarnya menyukarkan peniaga untuk menetapkan harga baharu kerana pelanggan sudah mula membandingkan harga yang ditetapkan oleh setiap peniaga.

"Namun, kenaikan harga bunga kubis adalah soalan yang sering disoal pelanggan kerana bunga kubis yang boleh dibeli dengan harga RM5 sekilogram tetapi sekarang sudah naik kepada RM12 sejak seminggu yang lalu," katanya.

Bekalan sayur-sayuran di Terengganu mencukupi

Kuala Terengganu: Bekalan sayur-sayuran di Terengganu mencukupi walaupun dalam keadaan cuaca tidak menentu kebelakangan ini.

Malah, harga dilihat juga stabil dan tidak berlaku perubahan yang mendadak walaupun berlaku turun naik sejak beberapa minggu lalu.

Tinjauan di beberapa pasar di daerah ini mendapati bekalan sayur-sayuran boleh diperolehi dengan mudah walaupun didapati berlaku sedikit kenaikan harga.

Antara sayur-sayuran yang menunjukkan sedikit kenaikan harga adalah cili dan bunga kubis yang kini dijual pada harga RM18 dan RM15 sekilogram berbanding sebelum ini RM16 dan RM12 sekilogram.

Turut menunjukkan kenaikan harga adalah limau kasturi yang kini dijual dengan harga RM10 sekilogram berbanding RM7 sekilogram minggu lalu.

Bagaimanapun, timun dan tomato menunjukkan penurunan apabila masing-masing dijual dengan



PENIAGA, Faizal Ali, 42, menunjukkan cili yang dijual di gerai. - Gambar NSTP/ZATUL IFFAH ZOLKIPLY

harga RM5 sekilogram berbanding RM7 sekilogram.

Peniaga yang hanya dikenali sebagai Pok Din, 55, berkata, bekalan sayur masih stabil dan mencukupi untuk keperluan pengguna.

"Ada sedikit kenaikan bagi sesetengah sayur tetapi tidaklah ketara dan bekalan juga mudah diperolehi.

"Kekurangan sesetengah sayuran itu mungkin disebabkan berlaku kekurangan di peringkat pembekalan," katanya.

Bagi Faizal Ali, 42, kebanyakan sayuran seperti kangkung, kacang panjang

dan timun diperolehi daripada peniaga tempatan.

"Ikutkan bekalan ada cuma kadang-kadang itu bekalan yang diterima agak terhad.

"Macam saya, kebanyakan sayuran kampung diambil daripada peniaga tempatan manakala sayuran seperti lobak, tomato dan bunga kobis diambil dari Cameron Highlands.

"Nak kata kekurangan stok itu tak berlaku sebab memang saya akan menerima bekalan daripada pemborong setiap hari," katanya.

Kepala Batas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan mengambil langkah intervensi terhadap bekalan sayur sekiranya berlaku kenaikan harga makanan itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata ia adalah usaha memastikan pengguna mendapat harga yang memadai walaupun langkah itu tertakluk kenaikan kos import.

"Sejak dua tahun lalu, terdapat turun naik harga bekalan makanan disebabkan kos import yang tertakluk kepada perubahan kos luar negara yang di luar kawalan kerajaan.

"Bagi bekalan sayur, jika ia perlu ada intervensi daripada kerajaan sebagai mana berlaku pada ayam dan telur ayam iaitu dengan kerajaan memberi subsidi dan sebagainya, kita akan bantu bagi memastikan pengguna mendapat harga yang memadai"

Dr Ronald Khandee

Mafi ambil langkah intervensi terhadap bekalan

“Bagi bekalan sayur, jika ia perlu ada intervensi daripada kerajaan sebagaimana yang berlaku pada ayam dan telur ayam iaitu dengan kerajaan memberi subsidi dan sebagainya, kita akan bantu bagi memastikan pengguna mendapat harga yang memadai”

Jelasnya, kerajaan melalui Mafi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memantau dari segi bekalan dan harga bekalan makanan dari semasa ke semasa.

"Pada ketika ini walaupun kita lihat berlaku kenaikan harga makanan

namun ia adalah pada tahap stabil dan masih dalam kawalan.

Terdahulu, KPDNHEP mengesahkan tidak berlaku kekurangan bekalan sayur dalam negara pada masa ini berikutan kemerosotan itu hanya pada tahap 10 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata situasi semasa itu berdasarkan maklumat daripada Persekutuan Petauan Pekebun-Peternak Sayur Malaysia.

Katanya, ia adalah disebabkan oleh cuaca hujan dan kemerosotan permintaan sekitar bulan lalu namun pengurangan 10 peratus itu adalah pada paras pusingan normal.

Sebelum ini media melaporkan akibat ketidakstabilan cuaca yang ketara ketika ini menyebabkan kebanyakan pekebun di Cameron Highlands kehilangan 30 hingga 40 peratus hasil pendapatan.

Beri bantuan peralatan teknologi kepada petani

Bantuan seperti mengimport dan menyediakan dron agar produktiviti mereka lebih baik

Oleh MOHAMAD AMREEL IMAN
ABD MALEK
SHAH ALAM

Kerajaan perlu mengutamakan pelan sekuriti makanan dalam Bajet 2023 susulan nilai mata wang ringgit yang dilaporkan menyusut serta memberikan kesan kepada sektor import pemakanan.

Pakar Ekonomi, Dr Barjoi Bardai mencadangkan supaya para pengusaha asas tani dan penternakan diberikan bantuan sama ada dalam bentuk mekanisasi ataupun secara teknologi kecerdasan buatan (AI) seperti mengimport dan menyediakan dron agar produktiviti mereka lebih baik.

Jelas beliau, bantuan tersebut boleh disalurkan melalui anak-anak syarikat bawah kerajaan sekali gus dapat menjadikan satu pelaburan yang baik bagi mereka demi masa hadapan negara.

"Kerajaan kena beri fokus yang lebih dalam membantu mereka membuat penghasilan agar dapat menjadikan negara lebih berdikari dalam penyediaan sumber tersebut meskipun mengambil jangka masa yang panjang," katanya kepada *Sinar Harian*.



FOTO: BERNAMA

Pakar ekonomi berpendapat kerajaan perlu mengutamakan pelan sekuriti makanan dalam Bajet 2023 susulan nilai mata wang ringgit yang dilaporkan menyusut serta memberi kesan kepada sektor import pemakanan.



BARJOI

Barjoi menyarankan orang ramai turut berusaha bersama-sama dalam menjayakan pelan sekuriti makanan seperti mula menanam sayur-sayuran serta buah-buahan sendiri di halaman rumah.

Pada masa yang sama, pensyarah Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) itu turut meminta kerajaan mewujudkan satu dasar keselamatan sosial yang lebih menyeluruh kepada rakyat dalam bajet kali ini.

"Seperti yang kita dapat lihat sekarang, dasar keselamatan sosial yang telah wujud adalah dengan penubuhan institusi Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP), namun ia hanya melibatkan bagi mereka yang bekerja dengan majikan sahaja.

"Kerajaan selepas ini harus juga mengambil kira dengan mewujudkan satu lagi institusi ataupun kaedah bagi menjaga keselamatan sosial kepada golongan yang bermiagaa ataupun bekerja sendiri," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyokong supaya subsidi petroleum diberikan secara bersasar dengan fokus penting kepada golongan berpendapatan rendah (B40).

"Golongan B40 antara yang terkesan semenjak pandemik Covid-19 sehingga ada di antara mereka yang kehilangan pekerjaan. Oleh itu, kebajikan mereka haruslah diambil kira," tegas Barjoi.

MAFI harap peruntukan ditingkatkan demi keselamatan bekalan makanan

KEPALA BATAS - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berharap peruntukan kerajaan itu akan meningkat pada Bajet 2023, bagi membolehkan pelbagai program untuk memastikan kelangsungan bekalan makanan negara, dapat diteruskan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, MAFI merupakan salah satu Kementerian yang penting, khususnya dalam memberi jaminan keselamatan bekalan makanan dalam negara.

"Pelbagai program perlu dilaksanakan secara berterusan, di samping menyusun program baharu bagi memastikan kerancangan pengeluaran bekalan makanan dalam negara.

"Semua ini memerlukan dana yang berterusan dan MAFI berharap Kementerian Kewangan melihat ini sebagai sesuatu yang perlu diberi keutamaan dan seterusnya meningkatkan peruntukan MAFI pada Bajet 2023 yang akan dibentangkan pada 7 Oktober akan datang," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang di sini pada Khamis. - *Bernama*



槟州农民组织主席拿督依斯迈（左）移交2020年股息共66万9626令吉的模拟支票给槟州9区农民组织，由罗纳建迪（右一）见证。中是全国农民组织（NAFAS）董事部主席拿督詹里。（黄梓清摄）

農長：1220公頃田地試跑

2年播種5次 增稻米產量

（北海9日讯）农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪说，该部门建议于今年12月在慕达农业发展机构管辖的稻田地展开2年播种5次稻米种植计划，以提高稻米产量。

他今日出席槟州农民组织（PPNPP）第46届会员大会后，在新闻发布会上说，该试点项目将涉及1220公顷稻田地，相较于2年播种4次，该项目有望提高628名农民及共25%的收入，稻米产量将增加202万吨或相等于31.5亿令吉。

他说，该部门拟定2021年至2030

年国家农业粮食蓝图（DAN 2.0）将继续引领迈向工业4.0，使我国农业现代化，确保农业在未来保持可持续发展，减少依赖进口食品。

他呼吁全国的农民组织必须通过探索新的农业技术和创新，助农民提高产量，继而保障国家食品安全。

询及蔬菜涨价事宜，他说，这是基于在我国的控制范围外，因受外国进口的价格波动影响，惟目前蔬菜价格仍在受控中，该部门一直都在监督供应及价格。

9/9/2022

UTUSAN

DALAM

10

MALAYSIA

NEGERI

Baung ekor merahancam ikan sungai Ulu Pahang

JERANTUT: Dianggarkan lebih 100,000 ekor ikan baung ekor merah membiak sejak lima tahun lalu dan menjadi 'ikan pemusnah' di tiga sungai utama di Ulu Pahang iaitu Sungai Tembeling, Sungai Pahang di Jerantut dan Sungai Jelai di Lipis.

Kehadiran spesies berasal dari Sungai Mekong, Vietnam itu mendominasi habitat di sungai tersebut yang menjadi 'pemusnah' terhadap ikan liar tempatan seperti patin, kelah, kenerak, jelayat, temoleh dan kerai.

Situasi itu mengundang kebimbangan nelayan sungai kehadiran ikan baung ekor merah yang lama-kelamaan menjejaskan pendapatan mereka berikutan ikan liar tempatan pupus menjadi mangsanya.



SEBAHAGIAN daripada 50 ekor ikan baung ekor merah yang ditangkap peserta pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah di Jerantut Feri, Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris berkata, haram untuk memakan secara ke-

cil-kecilan.

Bagaimanapun, ketika mencaipai saiz besar, baung ekor merah terlepas ke perairan sungai utama berikutan kejadian banjir yang menenggelamkan kolam teraman di pesisir sungai.

Katanya, menerusi laporan Jabatan Perikanan, baung ekor merah dalam kumpulan keluar-ga ikan keli yang terbesar di Asia mampu membesar sehingga 130 sentimeter dengan berat maksimum 80 kilogram.

"Bagi mengelakkan spesies ini mengancam ikan liar tempatan bermutu tinggi di pasaran tempatan, kerajaan menerusi Jabatan Perikanan sewajarnya menghapuskan baung ekor merah yang dianggarkan membiak lebih 100,000 ekor sejak lima

tahun lalu khususnya kawasan Sungai Tembeling dan Sungai Pahang serta anak sungai di daerah ini.

"Kita menganjurkan program Moh Buru Baung Ekor Merah dengan kerjasama Jabatan Perikanan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang ancaman ikan ganas itu di samping menjaga kepentingan hidupan air, iaitu ikan liar tempatan yang bermutu tinggi menjadi sumber pendapatan nelayan sungai," katanya di sini semalam.

Ahmad Nazlan berkata, sehingga kini, seramai 1,106 nelayan darat yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Pahang, manakala seramai 610 orang dari jumlah tersebut aktif menangkap ikan sungai di Jerantut.

Ibu hamil mengidam telur penyu, peniaga takut kena denda

KUALA TERENGGANU - Biar-pun penjualan telur penyu telah diharamkan di Terengganu sejak tiga bulan lalu, namun sehingga kini masih ramai yang mencari bahan makanan itu termasuk dalam kalangan pelancong.

Permintaan terhadap makanan eksotik terbabit terutama di kawasan tumpuan penjualannya sebelum ini iaitu Pasar Besar Kedai Payang di sini semakin tinggi berikutan musim cuti persekolahan.

Begitu pun setakat ini, tiada seorang peniaga berani menjualnya walaupun secara sembunyi kerana bimbang dikenakan tindakan penguatkuasaan denda sehingga RM250,000.

Salah seorang peniaga, Hayati Mad Zain, 54, mengakui, dia dan

"Paling membuatkan saya rasa sayu apabila segelintir ibu hamil merayu untuk membeli telur penyu kerana mengidam," katanya ketika ditemui Kosmo di Pasar Besar Kedai Payang di sini semalam.

Hayati berkata, rayuan tersebut bagaimanapun tidak dapat ditunaikan kerana peniaga terikat dengan undang-undang larangan penjualan telur penyu yang dikuatkuasakan di Terengganu sejak awal bulan Jun lalu.

Tambah beliau, anggota penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Perikanan sering mengadakan rondaan penguatkuasaan.

"Sebenarnya ramai juga yang masih mahu membeli telur penyunya dengan alasan untuk dijadi-

kan penawar penyakit lutut dan saraf.

"Begitu pun kami tidak lagi mengambil bekalan (telur penyu) dan akur arahan kerajaan negeri demi pemuliharaan penyunya yang kini semakin pupus," jelasnya.

Enakmen Penyunya 1951 (Pindaan 2021) Terengganu yang menetapkan pengharuman penjualan semua jenis telur penyunya di negeri ini telah dihapuskan sebulat suara pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu pada November 2021.

Pindaan tersebut antara lain mengenakan hukuman lebih berat bagi kesalahan kacau ganggu dan membunuh penyunya laitu RM50,000 hingga RM250,000 berbanding hanya RM3,000 sebelum ini.



HAYATI (kiri) sedang melayan pelanggan di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu semalam.

10 peniaga masih dicari peminat makanan eksotik berkenaan bukan sahaja dalam kalangan penduduk tempatan malah pelancong termasuk dari Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Projek jalan di kawasan bendang perlu bagi memudahkan urusan bawa keluar hasil 300 petani resah jalan lambat siap

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

ALOR SETAR – Lebih 300 petani yang mengusahakan kira-kira 287 hektar sawah di Kampung Benua dan Kampung Kebun Pinang di sini memohon pihak berwajib supaya menyegerakan projek jalan di kawasan bendang di situ demi kemudahan pesawah mengeluarkan hasil tani mereka.

Rata-rata pesawah ditemui memaklumkan, kemajuan projek itu terlalu perlahan dan mungkin akan menyebabkan mereka menanggung kerugian pada musim ini.

Menurut Ahli Jemaah Pengerah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Batu 4, Mohd. Salleh Omar, 65, projek tersebut sudah dimulakan sejak 2020, namun terhenti akibat Perintah Kawalan Pengerakan (PKP).

"Hanya pada Julai lalu, barulah projek ini disambung semula. Masalahnya sekarang, kontraktor sudah menggali parit, sekali gus menghalang mesin padi untuk masuk ke petak sawah bagi menuai hasil.

"Semua itu menyukarkan usa-

ha untuk mengeluarkan hasil dan padi dikhuatiri akan tumbang sebelum sempat dituai," jelasnya.

Tambahnya, sebelum ini ada mencadangkan supaya 1,000 lori tanah dibawa ke sini untuk membuat jalan tersebut, tetapi setakat ini hanya kira-kira 200 lori sahaja yang sampai," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Benua, Ridzuan Mansur, 56, berkata, dia telah beberapa kali menerima aduan daripada penduduk berhubung masalah itu yang disifatkan sebagai tidak berkesudahan.

Menurutnya, kegagalan membina jalan tersebut secepat mungkin menyebabkan mesin padi terpaksa menggunakan laluan yang agak jauh dan sering tersangkut di kawasan jerlus.

"Kami bukan nak tuding jari kepada sesiapa, tetapi kalau boleh percepatkan projek ini demi kemudahan penduduk. Projek ini sangat baik dalam memberi kemudahan kepada petani, tetapi kelewatannya disiapkannya agak mengecewakan kami," jelas Ridzuan.



SEBAHAGIAN petani di Kampung Benua dan Kampung Kebun Pinang membincangkan nasib dihadap mereka di atas tapak jalan yang masih belum siap di Simpang Empat, Alor Setar semalam.

Anggur tumbuh subur di Shah Alam

SHAH ALAM - Selepas beberapa percubaan bagi memastikan pohon anggur miliknya berbuah, usaha bekas pengajar di sebuah sekolah rendah swasta akhirnya berjaya.

Menurut Hashim Aziz, 50, berkat usaha tanpa jemu, pokok anggur yang berusia lima tahun itu kini berbuah lebat sehingga tiada tanda akan berhenti berputik.

"Saya beli batang pokok anggur jenis Tasmania yang berasal dari Australia ini daripada teman. Kini ada kira-kira 50 tangkai yang sudah masak buahnya dan sedia dinikmati.

"Penggunaan baja dua minggu sekali, penyiraman terkawal secara harian dan pendedahan cahaya matahari secara terus sangat membantu," katanya kepada Kosmo! semalam.

Memandangkan hasil pohon anggur tersebut melimpah-

ruah, dia tidak kisah berkongsi rezeki jika ada sesiapa yang ingin merasai buah yang memiliki rasa manis apabila bertukar warna hitam pekat.

"Rumah saya berada di laluan keluar masuk jalan. Jadi, keadaan pokok yang melilit di atas pokok mangga menyebabkan buah anggur nampak banyak dan rimbun.

"Saya halalkan sahaja sesiapa yang lalu dan petik buah kerana saya faham pasti ramai teruja nak petik sendiri. Cuma saya harap mereka minta izin dulu, tetapi jika tidak pun, saya halalkan juga," ujarnya.

Menurutnya, sejak anggur-nya berbuah lebat, rumahnya sentiasa menjadi tumpuan menyebabkan dia merancang untuk lebih serius mengkaji dan meneroka peluang dalam industri penanaman anggur di Malaysia seperti di Perlis.



HASHIM menunjukkan sebahagian anggur yang sudah masak dan sedia dipetik di rumahnya di Seksyen 22, Shah Alam.

Oleh **INTAN SUHANA**
CHE OMAR
intan.suhana@mediamula.com.my

KAWASAN belakang rumah yang dahulunya dipenuhi semak-samun, bertukar wajah menjadi kebun yang kini menjadi sumber makanan dan pendapatan buat komuniti Garden 8, Taman Perwira, Gombak di ibu kota.

Kebun hasil usahasama penduduk dan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu pada awalnya hanya diusahakan lapan buah ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) September tahun lalu. Kini ia bertambah kepada 36 buah rumah.

Perkembangan itu adalah hasil kerjasama komuniti setempat mengenai idea berkebun belakang rumah.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM Prof. Dr. Ismi Arif Ismail berkata, pengenalpastian isu dan permasalahan dihadapi komuniti setempat menjadi titik tolak bagi merancang sesuatu program dan aktiviti yang akan dilaksanakan.

"Hal ini bagi memastikan setiap program dilaksanakan memberikan impak besar kepada komuniti dan menepati kehendak komuniti.

"Program pemindahan ilmu ini bermatlamat meningkatkan pengetahuan komuniti dan penglibatan pegawai UPM untuk membantu mengatasi masalah berkebun," katanya.

Penghujung Ogos lalu UPM mengiktiraf Garden 8 sebagai Rakan Kebun Komuniti dan diletakkan di bawah salah satu inisiatif universiti berkenaan melalui Program Pembangunan Komuniti Pertanian Angkat (Zon Tengah).

PASAR HUJUNG MINGGU

Wakil Garden 8, Abdul Latif Mohamed berkata, kebun itu memberi contoh dan inspirasi sebagai hasil kesepakatan jiran tetangga membawa berkat.

"Lokasi ini berjaya mengaplikasikan ilmu dikongsikan pegawai di UPM sehingga mampu menghasilkan sumber makanan untuk keperluan sendiri dan komuniti setempat melalui Program *Sunday Market* yang diadakan sebulan sekali pada setiap minggu akhir," katanya.

Pelbagai jenis tanaman diusahakan di situ, antaranya terung, cili, sawi dan tanaman herba.

Ada beberapa tanaman yang jarang dilihat terdapat

Kebun komuniti galak penduduk tanam sayur



SEBAGIAN daripada penduduk kampung bersama warga Universiti Putra Malaysia meninjau kebun yang diusahakan oleh mereka.



KAWASAN belakang rumah yang berubah menjadi sebuah landskap melalui pertanian.

di kebun berkenaan seperti kacang itik, kacang batik dan habanero.

Pemandangan lebih indah apabila ia turut diselang-seli dengan kepelbagaian tanaman bunga-bunga menyerikan lagi kebun berkenaan.

"Kawasan belakang rumah yang dahulunya tidak terurus kini berubah landskap menjadi kebun yang bukan sekadar sumber makanan segar dan selamat, tetapi merangkumi pelbagai fungsi seperti taman mini rekreasi, pendidikan,

memangalkan kitar semula dan merapatkan ukhuwah sesama jiran," katanya.

Antara program pemindahan ilmu UPM dikongsikan kepada warga Garden 8 ialah demonstrasi penanaman sayur berdaun

dan pengurusan kompos dari sisa dapur, demonstrasi pengurusan dan kawalan serangga serta pengurusan tanaman cendawan tiram.

Perkongsian ilmu berkaitan asas pengurusan temakan kelulut, kamival Garden 8 dan menyediakan set sistem pengairan secara automatik yang lebih efisien dengan penggunaan teknologi pintar turut diadakan.

Perkongsian ilmu penanaman turut melibatkan pegawai Fakulti Pertanian, Pusat Pertanian Putra dan Cimet.

Sempena Majlis Perasmian Fasa 4 Kebun Komuniti Garden 8 baru-baru ini, UPM turut menyumbangkan tiga unit log kelulut spesies *Heterotrigona* itama kepada komuniti Garden 8 untuk mewujudkan ekosistem semulajadi yang lebih lestari sebagai agen pendebungaan.

Sumbangan itu juga sebagai tanda sokongan universiti bagi meningkatkan lagi motivasi dan semangat warga komuniti Garden 8 untuk terus bercucuk tanam dan menjadi contoh kepada seluruh rakyat Malaysia.